

30/07/1999

Bekas ahli S46 diminta lupakan sengketa lama

Rasid Rahaman

KOTA BAHRU, Khamis - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah meminta bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan Umno di peringkat akar umbi mencontohi beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sanggup meminta maaf demi masa depan orang Melayu.

Beliau berkata, pengeseran yang berlaku antara bekas ahli S46 dan Umno di peringkat akar umbi sebelum ini terlalu kecil, berbanding sengketa yang dianggap hebat antara beliau dan Dr Mahathir pada 1987.

"Sengketa yang berlaku antara saya dan Dr Mahathir lebih hebat. Oleh kerana kami memikirkan masa depan orang Melayu itu lebih penting, kami melupakan sengketa yang berlaku.

"Sebab itu ambo (saya) minta maaf secara terbuka dan Perdana Menteri menerimanya ketika beliau mengadakan lawatan kerja selama dua hari di Kelantan, minggu lalu," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan dengan veteran wanita di Juita Inn, di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Wanita Umno Kelantan, Zaleha Hussin dan Ketua Penerangan Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Rozali Isohak.

Tengku Razaleigh berkata, Umno adalah satu-satunya parti yang boleh menjamin masa depan orang Melayu di negara ini.

"Ini dibuktikan sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957. Oleh itu, perpaduan di kalangan ahli dan kekuatan Umno perlu dipelihara bagi memastikan parti ini terus menjadi tonggak utama memerintah negara," katanya.

Sehubungan itu, katanya, semua ahli melupakan sengketa lalu dan mereka perlu sedar bahawa pada masa ini tidak wujud S46 atau bekas ahli S46 kerana semuanya kini adalah ahli Umno.

Mengenai peranan wanita di Kelantan, Tengku Razaleigh berkata, peranan wanita amat besar di negeri ini kerana undi mereka melebihi lelaki, iaitu membabitkan kira-kira 54 peratus.

"Kita perlu sedar hakikat ini, berbanding Pas yang sehingga kini tidak pernah mengiktiraf peranan wanita.

"Oleh itu, ambo meminta kerjasama adik kakak supaya mengembleng tenaga dengan turun ke akar umbi menarik wanita sama ada yang muda atau tua di seluruh pelusuk negeri supaya memilih Umno pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

(END)